

25 JAN 2002

DR MAHATHIR DI MELAKA UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

MELAKA, 25 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Melaka pagi ini untuk lawatan kerja sehari.

Ketibaan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri Datin Seri Asmah Abdul Rahman serta anggota-anggota exco kerajaan negeri dan pembesar-pembesar negeri.

Antara acara Dr Mahathir ialah merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia peringkat kebangsaan, mendengar taklimat pembangunan negeri dan merasmikan kursus untuk pengerusi dan setiausaha Biro Latihan Umnpa seluruh negara.

Di sebelah petang, Perdana Menteri dijadual menghadiri majlis pelancaran pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia di Durian Tunggal.

-- BERNAMA

SBS NO MAI